



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Bertam

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR IR. DR. HAJI AHMAD RASHIDY BIN RAZALI**

**REKTOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

**SEMPENA**

**KELUARGA BERTAM: RAIKAN BERSAMA**

**DI**

**FOYER BLOK MAKMAL**

**PADA**

**16 MEI 2024 / 5 ZULKAEDAH 1445H**

**(KHAMIS)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَخْمَعُينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

1. **Yang Berusaha Prof Madya Ir. Ts. Dr Hajah Siti Noraini Sulaiman**  
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)
2. **Yang Berusaha Encik Amir Heberd Abdullah**  
Penolong Rektor Kampus Bertam  
Selaku tuan rumah
3. **Yang Berusaha Prof Madya Ts. Dr Basharudin Abdul Hadi**  
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)
4. **Yang Berusaha Prof Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani**  
Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri  
Masyarakat & Alumni)
5. **Yang Berusaha En Mohamad Azwan Zai Zainal Abidin**  
Pengarah Program Keluarga Bertam, Raikan Bersama
6. **Yang Berusaha Barisan Pengurusan, wakil dari syarikat konsesi, wakil Kesatuan Kakitangan Umum, pesara-pesara dari Kampus Bertam,**
7. **Ahli Jawatankuasa Program seterusnya warga Kampus Bertam yang dihormati sekalian.**

Assalamualaikum W.R.T

Salam Malaysia Madani

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد  
كما صلیت على إبراهیم وعلى آل إبراهیم  
وبارک على سیدنا محمد وعلى آل محمد  
كما بارکت على آل إبراهیم إنك حمید مجيد

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kuasaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari yang penuh kesyukuran ini untuk sama-sama memeriahkan **Majlis “Keluarga Bertam: Raikan Bersama” 2024.**
2. Saya bagi pihak pengurusan UiTM Cawangan Pulau Pinang, ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua tetamu jemputan kerana sudi meluangkan masa bersama kami untuk menghadirkan diri ke majlis ini dengan penuh rasa muhibbah, dalam suasana mesra dan terbuka.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang hadir, terutamanya kepada warga Kampus Bertam. Adalah menjadi harapan saya agar majlis pada pagi ini akan memberi peluang kepada semua warga Kampus Bertam serta tetamu yang hadir untuk merapatkan silaturrahim sambil menikmati juadah yang disediakan. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan

sesama kita. Ia juga memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan juga mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

4. Tahniah dan Syabas juga saya ucapkan kepada warga Kampus Bertam kerana **tidak pernah kalah dengan persediaan hangat serta warna-warni dalam setiap majlis yang dianjurkan oleh Kampus Bertam setakat hari ini**. Hal ini menunjukkan sikap toleransi yang tinggi di dalam diri warga Kampus Bertam yang boleh dicontohi oleh setiap warga UiTM yang lain. **Dalam kemerahan dan keghairahan kita hari ini, masih terpalit rasa sedih dan kesal terhadap keganasan yang melanda negara Palestin. Marilah kita berdoa bersama-sama agar rakyat Palestin diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi situasi getir saat ini.**

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

5. Sepanjang sebulan umat Islam berpuasa, kita telah berjaya melakukan amalan puasa dengan jayanya dan saya berharap amalan-amalan baik ini yang telah kita amalkan sepanjang Bulan Ramadhan dapat diteruskan untuk bulan-bulan berikutnya dan mungkin terus menjadi amalan kita setiap masa. **Jika di bulan puasa kita boleh bersifat sabar mengapa tidak selepas Ramadhan pun kita mempraktikkan sifat yang sama**. Saya berharap karektor atau sikap kita tidak berubah kepada yang negatif selepas berlalunya bulan Ramadhan.

**6. Ramai diantara kita juga sudah menganjurkan rumah terbuka hari raya dan hari ini, setelah Syawal berlalu kita masih meraikan kemeriahان Syawal.** Harapan saya, supaya majlis seperti ini dijadikan tempat untuk kita **mengeratkan silaturrahim sesama kita** tetapi pada masa yang sama kita perlu menghindari amalan membazir dan berbelanjalah mengikut keperluan dan kemampuan, serta elakkanlah sikap membazir.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

**7. Sebelum mengakhiri ucapan saya, ingin saya rakamkan setinggi penghargaan terhadap pencapaian Kampus Bertam yang menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang sejak kebelakangan ini.** Banyak aktiviti pengantarabangsaan telah mula giat dijalankan untuk meningkatkan ketampakan Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Farmasi dalam bidang sains kesihatan dan farmasi. Diharapkan pelbagai aktiviti, kolaborasi, penyelidikan, penulisan, penerbitan, pengajaran dan pembelajaran, sukan dan sebagainya akan lebih banyak dijalankan pada masa akan datang. Semoga semua warga kampus diberikan nikmat kesihatan dan kesejahteraan yang berpanjangan.

## **PENUTUP**

8. Akhir kata, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun;

**Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,**

**Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,**

**Dalam kelembutan lidah ada juga keterlanjuran kata,**

**Dalam gurau dan senda tentu ada khilaf dan dosa.**

Mohon ampun dan maaf di atas segalanya.

Selamat Hari raya Aidilfitri. Maaf Zahir & Batin.

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim** saya merasmikan program **“Keluarga Bertam: Raikan Bersama” 2024.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum

Warahmatullahi Wabarakatuh,

Terima kasih.